

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

TARIKH JAWAPAN : 3 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian sedar tentang kuasa mutlak Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memotong bekalan elektrik dan mengikut garis panduan TNB untuk selama 30 hari jika pengguna disyaki menggunakan bekalan elektrik secara tidak jujur, tanpa pengguna disabitkan kesalahan di mahkamah. Adakah Kementerian bersetuju mengkaji semula kuasa ini kerana ia boleh disalahgunakan ke atas pengguna yang tidak bersalah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dibolehkan untuk memotong bekalan elektrik sekiranya pengguna disyaki menggunakan bekalan elektrik secara tidak jujur, tanpa disabitkan kesalahan di mahkamah. Walau bagaimanapun, bagi menjaga kepentingan pengguna, Seksyen 38, Akta Bekalan Elektrik 1990 telah dipinda pada tahun 2015 yang menetapkan bahawa meskipun dibolehkan membuat pemotongan, namun TNB hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam tempoh 3 hari bekerja selepas mendapati kecurian tersebut telah berlaku. Selanjutnya pihak TNB perlu memberikan notis bertulis tidak kurang daripada 48 jam daripada tarikh kecurian itu kepada pengguna sebelum bekalan elektrik dipotong.

2. Selain itu, pindaan pada tahun 2015 terhadap Seksyen 38 Akta 447 juga memperuntukkan bahawa ST perlu menyemak laporan yang

dikemukakan oleh TNB. Sekiranya didapati tiada kesalahan telah dilakukan oleh pengguna terlibat, bekalan elektrik hendaklah disambung dengan serta merta sekiranya pemotongan telah dibuat.

3. Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula klausa berkaitan pemotongan bekalan elektrik di bawah Akta 447. Kementerian berpandangan bahawa pindaan yang telah dibuat pada tahun 2015 akan dapat mengelakkan masalah pemotongan bekalan elektrik kepada pengguna yang tidak bersalah.
